

29/09/1998

Tindakan boleh cetus huru-hara

KUALA LUMPUR, Isnin - Tindakan pihak tertentu mengapi-apikan orang ramai membenci kerajaan dengan mendakwa memperjuangkan keadilan dan mempersoal tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim, boleh mencetuskan huru-hara seperti kejadian rusuhan pada 13 Mei 1969.

Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata tanda menunjukkan ada pihak yang ingin mewujudkan rusuhan seperti kejadian 29 tahun lalu itu kini semakin jelas.

Menurutnya, senario yang hampir sama berlaku sebelum rusuhan 13 Mei dengan pihak tertentu cuba menggunakan isu keadilan dan pemecatan Anwar untuk menimbulkan huru-hara.

"Dulu, parti pembangkang menggunakan isu perkauman hingga mencetuskan rusuhan, tetapi kini mereka pula menggunakan isu keadilan dan pemecatan Anwar untuk mencetuskan perkara yang sama.

"Bukan saya nak menakut-nakutkan orang ramai, tetapi nampaknya sudah ada yang menjurus ke arah itu. Perkara ini tidak boleh dipermain-mainkan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Aishah yang juga bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno berharap orang ramai tidak terpengaruh dengan dakyah dalang berkenaan.

"Membuat kacau adalah senang, tetapi untuk memulihkannya semula keadaan adalah sukar," katanya.

Beliau yang sedih dengan perkembangan politik negara ketika ini berkata, orang ramai seakan-akan tidak nampak kebenaran hingga membiarkan diri mereka diperalat serta sanggup membaca perkara karut dan mendengar khabar angin.

(END)